

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan firma guaman yang ditubuhkan dan digulung setiap tahun sejak 2010. Apakah sebab-sebab penutupan firma guaman tersebut.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada input-input yang dikemukakan oleh Majlis Peguam Malaysia, sebanyak 3,837 buah firma guaman telah ditubuhkan semenjak dari tahun 2010 sehingga 25 Jun 2019. Manakala bilangan firma guaman yang telah digulung bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 1,536. Penutupan firma-firma guaman tersebut adalah disebabkan faktor-faktor seperti:

- i) pemilik tunggal/ rakan kongsi bersara;
- ii) kematian pemilik tunggal/ rakan kongsi;
- iii) pemilik tunggal/ rakan kongsi siisytiharkan muflis;
- iv) pemilik firma berhijrah atau memilih kerjaya dalam bidang perniagaan yang lain;
- v) Majlis Peguam melakukan intervensi terhadap firma apabila terdapat salah laku kewangan, pemilik menghilangkan diri dan sebagainya. Sekian, terima kasih.